



JPA.BK (S) 343/7-4 Jilid 2 ( 5 )

13 Januari 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan


YBhg.Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

### **LARANGAN MENGGUNAKAN AMARAN SECARA PENTADBIRAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan mengenai perkara di atas. Surat jabatan ini bil.223/8/2-3 Jld.4(36) bertarikh 23 Oktober 2012 adalah berkaitan.

2. Adalah didapati masih terdapat Ketua-Ketua Jabatan yang memberi **amaran secara pentadbiran** kepada pegawai walaupun **siasatan mendapati wujud asas untuk prosiding tatatertib** dimulakan. Amalan tersebut memberi gambaran bahawa pegawai telah mendapat kemaafan (*condonation*) oleh Ketua Jabatan, sedangkan pegawai masih belum dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. Amaran secara pentadbiran ini tidak menggambarkan tindakan tegas telah diambil terhadap kes-kes salah laku yang melibatkan pegawai awam. 4

3. Jabatan ini mengingatkan bahawa mana-mana pegawai yang telah dinamakan dalam siasatan dan wujud asas untuk prosiding tatatertib dimulakan, hendaklah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib bagi memulakan prosiding tatatertib di bawah peraturan 35 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] atau peraturan-peraturan yang terpakai bagi agensi masing-masing.



4. Sehubungan itu, YBhg.Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini dengan tidak lagi memberi amaran secara pentadbiran bagi kes salah laku yang siasatan mendapati wujud asas untuk dimulakan prosiding tatatertib.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' MOHTAR BIN MOHD ABD. RAHMAN)**

s.k. Ketua Setiausaha Negara